MENILAI DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Ujian tekanan merupakan komponen penting dalam rangka kerja kestabilan kewangan Bank. Dalam penerbitan sebelum ini,[25] Bank telah melaporkan hasil ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun yang terkini menggunakan pendekatan dari atas ke bawah (*top-down*). Dalam ujian itu, dua senario buruk hipotetikal direka untuk memperkukuh penilaian Bank terhadap daya tahan setiap institusi kewangan dan sistem kewangan secara lebih meluas berikutan keadaan pemulihan ekonomi yang ketara lebih lemah daripada jangkaan. Hasil ujian tersebut telah mengesahkan bahawa institusi kewangan mempunyai penampan yang mencukupi terhadap potensi kerugian yang mungkin timbul sekiranya senario-senario buruk ini berlaku.

Dengan mengambil kira perkembangan sejak hasil ujian tersebut diterbitkan, termasuk pelaksanaan PKP Penuh, ujian tekanan menggunakan pendekatan dari atas ke bawah yang dijalankan pada awal tahun ini terus mengambil kira pelbagai kejutan ekonomi dan kewangan yang teruk serta memadai untuk menguji daya tahan institusi kewangan. Pandangan ini sebahagiannya mencerminkan tahap konservatif yang ketara dalam membuat andaian berhubung dengan bayaran balik pinjaman yang telah diterapkan dalam ujian tekanan apabila kejutan tersebut digunakan sebagai input untuk menilai potensi kerugian institusi kewangan (Jadual 2.3).

Oleh itu, kemas kini terhadap ujian tekanan berbilang tahun yang menggunakan pendekatan dari atas ke bawah akan diterbitkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Kedua 2021, sejajar dengan kitaran ujian tekanan tahunan yang lalu. Walaupun demikian, sebagai sebahagian daripada pelaksanaan penilaian penyeliaan Bank yang berterusan, setiap bank dikehendaki menghantar hasil ujian tekanan mereka berdasarkan senario tekanan hipotetikal keadaan pemulihan ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan, hingga akhir tahun 2022. Senario tersebut mengandaikan bahawa ekonomi dalam negeri akan pulih secara beransur-ansur dan pemulihan dijangka hanya berlaku menjelang separuh kedua tahun 2022. Memandangkan sekatan pergerakan yang berpanjangan, kesan buruk kepada ekonomi diandaikan mendalam dan meluas di samping tahap pengangguran yang meningkat, harga aset yang tertekan, lebih banyak perniagaan yang ditutup, serta sentimen pengguna dan perniagaan yang lemah. Selain itu, diandaikan langkah-langkah bantuan tidak dilanjutkan dan langkah-langkah bantuan yang

Jadual 2.3: Andaian Bayaran Balik Pinjaman dalam Ujian Tekanan dari Atas ke Bawah

	Andaian
Bantuan bayaran balik pinjaman	• Tiada R&R bagi pinjaman perniagaan selepas suku kedua tahun 2021 • Bantuan bayaran baik pinjaman untuk peminjam isi rumah ditamatkan selepas suku pertama tahun 2021
Pemulihan pinjaman terjejas	• Tiada pembalikan (*reversion*) kepada tahap asal pinjaman isi rumah dan perniagaan, walaupun isi rumah dan syarikat menunjukkan perkembangan yang baik pada tempoh berikutnya
Langkah-langkah sokongan dasar	• Kesan daripada inisiatif dasar seperti fleksibiliti untuk membuat pengeluaran daripada simpanan persaraan, program subsidi upah, atau pindahan tunai daripada Kerajaan tidak diambil kira
Bayaran balik pinjaman secara sekali gus yang akan matang	• Bagi syarikat tidak tersenarai dalam sektor mudah terjejas, hingga 50% daripada bayaran balik pinjaman secara sekali gus diandaikan akan terjejas. Ini ketara lebih tinggi berbanding dengan pinjaman terjejas sebenar[1] yang dicatatkan setakat ini

Nota:
[1] Pada bulan Jun 2021, hanya 17% daripada jumlah asal bayaran balik pinjaman secara sekali gus yang akan matang dinilai oleh bank-bank (dan disemak oleh juruaudit) menunjukkan tanda-tanda kenaikan yang ketara dalam risiko kredit, sementara bahagian yang sangat kecil (0.4%) pinjaman berkenaan telah terjejas

Sumber: Bank Negara Malaysia

[25] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Kedua 2020 untuk maklumat lanjut.

baharu tidak diperkenalkan. Bank-bank juga diminta mempertimbangkan kesan daripada kemungkinan penurunan penarafan berdaulat. Sama seperti ujian tekanan kesolvenan makro yang menggunakan pendekatan dari atas ke bawah, senario ekonomi yang digunakan dalam ujian pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up*) ini tidak menggambarkan jangkaan sebenar Bank terhadap trajektori ekonomi. Senario ini direka khusus untuk menguji daya tahan institusi kewangan terhadap kejutan ekonomi yang teruk dan berpanjangan, di samping berfungsi sebagai pelengkap kepada penilaian berdasarkan ujian tekanan yang menggunakan pendekatan dari atas ke bawah yang dijalankan oleh Bank.

Dalam ujian tekanan ini, setiap bank secara bebas akan membuat penilaian tentang jangkaan kejutan makroekonomi dan kewangan yang akan dihadapi dan potensi kerugian yang akan ditanggung oleh mereka. Tahap kejutan dan andaian yang berkaitan secara amnya konservatif merentas semua bank. Sebagai contoh, beberapa bank menggunakan faktor tekanan tambahan ke atas segmen terpilih dalam portfolio mereka termasuk kebarangkalian mungkir yang ketara lebih tinggi. Kumpulan perbankan domestik juga telah mengambil kira kesan kejutan terhadap operasi cawangan luar negeri mereka dalam ujian tekanan tersebut. Di samping itu, kebanyakan bank membuat andaian bahawa kadar hasil bon akan meningkat,[26] yang mencerminkan jangkaan aliran keluar bukan pemastautin yang lebih tinggi berikutan berlaku semula ketidakpastian dasar dan penularan kembali kes COVID-19 di dalam negeri. Andaian ini dibuat meskipun mereka menjangkakan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) terus dikurangkan. Bank-bank juga membuat andaian bahawa pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman akan terus melonjak pada tahun 2021, sebelum berkurang secara beransur-ansur pada akhir tahun 2022, sejajar dengan jangkaan keadaan pemulihan ekonomi.

Hasil ujian tekanan menggunakan pendekatan dari bawah ke atas yang dijalankan oleh setiap bank telah mengesahkan daya tahan agregat sistem perbankan terhadap kejutan ekonomi dan kewangan yang teruk. Risiko kredit kekal sebagai pendorong utama potensi kerugian yang akan ditanggung oleh bank-bank, dengan kedua-dua ujian tekanan yang menggunakan pendekatan dari atas ke bawah dan dari bawah ke atas menunjukkan sektor perniagaan menyumbang kepada bahagian kerugian yang lebih besar. Kos kredit di bawah pendekatan dari bawah ke atas adalah hampir empat kali kos kredit yang dicatatkan pada tahun 2020, iaitu sekitar dua kali lebih tinggi daripada tahap yang dicatatkan di bawah pendekatan dari atas ke bawah. Kos ini telah dipencongkan oleh parameter ekonomi yang ketara lebih konservatif yang digunakan oleh segelintir bank. Bank-bank ini mencakupi sekitar satu perlima daripada jumlah aset sistem perbankan dan disokong oleh kedudukan modal permulaan yang kukuh pada peringkat entiti dan kumpulan.

Secara keseluruhan, di bawah ujian tekanan yang menggunakan pendekatan dari bawah ke atas, penurunan median nisbah jumlah modal pada akhir tahun 2022 ialah 4.4 mata peratusan, dengan julat antara kuartil[27] sebanyak 5.9 mata peratusan (kuartil pertama: 2.1 mata peratusan, kuartil ketiga: 8 mata peratusan). Hasil ujian ini, walaupun menunjukkan kesan agregat yang lebih besar terhadap sistem perbankan disebabkan oleh perbezaan andaian yang ketara merentas bank, tidak mengubah penilaian keseluruhan daya tahan sistem perbankan di bawah ujian tekanan menggunakan pendekatan dari atas ke bawah yang dijalankan oleh Bank.

Yang penting, kedudukan bank-bank yang kekal berdaya tahan menjadi faktor penyumbang utama yang akan mengurangkan penghindaran risiko yang berlebihan, yang lazimnya merupakan tindak balas institusi kewangan berikutan kemelesetan ekonomi. Hasil ujian tekanan ini telah mengesahkan bahawa bank-bank kekal berada pada kedudukan yang teguh untuk menyokong pemberian pinjaman kepada perniagaan dan isi rumah yang berdaya maju, sekali gus menggalakkan ekonomi pulih dengan lebih kukuh.

[26] Rujuk bahagian Risiko Pasaran dalam bab 'Menghadapi Pemulihan Tidak Sekata: Perkembangan Penting pada Separuh Pertama 2021' untuk perincian berkenaan analisis sensitiviti yang dilakukan terhadap kedudukan kewangan institusi kewangan untuk menilai impak pergerakan kadar hasil bon.

[27] Julat antara kuartil menunjukkan perbezaan antara penurunan nisbah jumlah modal yang dilaporkan oleh bank pada persentil ke-75 dan bank pada persentil ke-25. Memandangkan pendekatan yang diambil dalam ujian tekanan dari bawah ke atas mungkin menghasilkan variasi yang luar biasa dalam parameter ekonomi yang digunakan oleh beberapa bank, julat antara kuartil ini merupakan ukuran yang lebih sesuai untuk menunjukkan taburan keputusan setiap bank.